



PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 1

SOP SEKTOR KESIHATAN

Dikemaskini pada 30 Julai 2021

Merangkumi

- Fasiliti dan Perkhidmatan KKM
- Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (**KPJKS**) berdaftar / berlesen bawah Akta 586
- Kedai Farmasi
- Pusat Fisioterapi / Rehabilitasi
- Pusat Optometri
- Makmal Perubatan
- Perkhidmatan Perubatan Tradisional & Komplementari (PT&K) di bawah Akta 775

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Mana-mana aktiviti yang dilarang Kerajaan seperti dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit atau mana-mana arahan rasmi oleh Kerajaan.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Petugas mesti sentiasa memakai alat perlindungan diri apabila berurusan dengan pelanggan.
- Semua pesakit diwajibkan memakai pelitup muka.

Waktu Beroperasi

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan

Normal

Kapasiti Pekerja

100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pengendalian Perkhidmatan PT&K (tertakluk kepada aktiviti yang dibenarkan mengikut Fasa Pelan Pemulihan Negara) | <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan PT&K* hanya boleh ditawarkan di premis yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan, dan bukan di rumah pengamal/pelanggan. • Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam. • Perkhidmatan secara individu sahaja dibenarkan dalam satu bilik/ruang rawatan. • Semua peralatan guna semula yang telah digunakan hendaklah dibersihkan dan disinfeksi sewajarnya. • Minyak yang digunakan adalah khusus untuk seorang pelanggan dan tidak boleh dikongsi. • Pemakaian penutup hidung dan mulut (<i>3ply surgical mask</i>), <i>face shield</i>, sarung tangan, dan <i>disposable gown</i> diwajibkan untuk pengamal sepanjang memberikan perkhidmatan PT&K. Semua <i>PPE</i> yang berkenaan perlu ditukar untuk setiap pesakit dan tidak boleh diguna berulang. • Alas pakai buang atau linen yang digunakan semasa perkhidmatan seperti cadar, sarung bantal, tuala dan kain perlu ditukar selepas setiap sesi perkhidmatan. • Semua pemilik premis diwajibkan berdaftar dengan MySejahtera. Pelanggan perlu <i>check-in</i> dengan MySejahtera atau secara manual. • Pengendali premis PT&K mesti memohon melalui Sistem CIMS bagi kebenaran beroperasi dan kebenaran pergerakan bagi pengamal PT&K. |

*Bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775 adalah perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, homeopati, amalan pengubatan Islam, kiropraktik, dan osteopati.



PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 1

SOP SEKTOR KESIHATAN

Dikemaskini pada 30 Julai 2021

Merangkumi

- Fasiliti dan Perkhidmatan KKM
- Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (**KPJKS**) berdaftar / berlesen bawah Akta 586
- Kedai Farmasi
- Pusat Fisioterapi / Rehabilitasi
- Pusat Optometri
- Makmal Perubatan
- Perkhidmatan Perubatan Tradisional & Komplementari (PT&K) di bawah Akta 775

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Mana-mana aktiviti yang dilarang Kerajaan seperti dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit atau mana-mana arahan rasmi oleh Kerajaan.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Petugas mesti sentiasa memakai alat perlindungan diri apabila berurusan dengan pelanggan.
- Semua pesakit diwajibkan memakai pelitup muka.

Waktu Beroperasi

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan

Normal

Kapasiti Pekerja

100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Pengendalian Perkhidmatan PT&K (mengikut Fasa Pelan Pemulihan Negara)

| Fasa | Aktiviti Dibenarkan | Aktiviti Tidak Dibenarkan |
|------|---|---|
| 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Terhadap kepada bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775 dan premis berlesen di bawah Pihak Berkuasa Tempatan • Konsultasi secara bersemuka dengan penjarakan fizikal dibenarkan. Namun, konsultasi atas talian / telekonsultasi adalah digalakkan. • Perkhidmatan akupunktur dan kiropraktik dibenarkan. Pemakaian <i>3ply surgical mask</i>, <i>face shield</i>, sarung tangan, dan <i>disposable gown</i> diwajibkan. Semua <i>PPE</i> yang berkenaan perlu ditukar untuk setiap pesakit dan tidak boleh diguna berulang. | <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan yang melibatkan sentuhan fizikal secara langsung dengan pesakit secara berterusan (seperti urutan) • Perkhidmatan yang merangsang pengeluaran cairan tubuh (contohnya kahak, hingus, darah, lendir dan muntah) • Perkhidmatan berunsur kesejahteraan (<i>wellness</i>) • Lawatan ke rumah (<i>home visit</i>) |
| 2 | <ul style="list-style-type: none"> • Sama seperti di Fasa 1 • Semua perkhidmatan yang melibatkan sentuhan fizikal secara langsung dengan pesakit dibenarkan. Pemakaian <i>3ply surgical mask</i>, <i>face shield</i>, sarung tangan, dan <i>disposable gown</i> diwajibkan. Semua <i>PPE</i> yang berkenaan perlu ditukar untuk setiap pesakit dan tidak boleh diguna berulang. | <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan yang merangsang pengeluaran cairan tubuh (contohnya kahak, hingus, darah, lendir dan muntah) • Perkhidmatan berunsur kesejahteraan (<i>wellness</i>) • Lawatan ke rumah (<i>home visit</i>) |
| 3 | <ul style="list-style-type: none"> • Sama seperti di Fasa 2 • Perkhidmatan berunsur kesejahteraan (<i>wellness</i>) • Lawatan ke rumah (<i>home visit</i>) • Semua perkhidmatan PT&K dibenarkan beroperasi, tidak terhadap kepada bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775 sahaja. | <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan yang merangsang pengeluaran cairan tubuh (contohnya kahak, hingus, darah, lendir dan muntah) adalah tidak dibenarkan. |
| 4 | <ul style="list-style-type: none"> • Sama seperti di Fasa 3 • Perkhidmatan yang merangsang pengeluaran cairan tubuh (contohnya kahak, hingus, darah, lendir dan muntah) adalah dibenarkan | |